

Keceluaran ukur sumbangan produktiviti buruh

Prof Madya
Dr Mohd
Yusof Saari

Profesor Madya di Sekolah
Perniagaan dan Ekonomi, UPM
dan ahli Sekretariat Majlis
Tindakan Ekonomi



Laporan Produktiviti Nasional 2020 yang diumumkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menunjukkan peningkatan sumbangan produktiviti kepada Keceluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 4.3 peratus pada 2019.

Laporan sama juga menyebut peningkatan produktiviti buruh bagi setiap jam bekerja sebanyak 2.2 peratus daripada RM39.7 per jam pada 2018 kepada RM40.6 per jam pada 2019.

Tafsiran kepada perangkaan yang dikeluarkan dalam laporan ini perlukan pemahaman yang jelas mengenai maksud produktiviti dan kaedah pengukuran yang digunakan. Ini penting kerana wujud keceluaran dalam membuat perbandingan antara kadar upah per jam dan produktiviti.

Ada pendapat menyatakan pekerja di Malaysia terlalu rendah kadar upah per jam yang dibayar. Pengiraan dibuat dengan kaedah

berikut: $RM1,200 / 26 \text{ hari} / 8 \text{ jam} = RM5.77 \text{ per jam}$. Pengiraan ini hanya mengambil kira upah minimum sebagai asas.

Perbandingan ini tidak tepat kerana dua alasan. Pertama, produktiviti berjumlah RM40.6 per jam pada 2019 bukan indikator kepada kadar upah. Ia menilai jumlah output pengeluaran barang dan perkhidmatan yang boleh dihasilkan seorang buruh bagi setiap jam bekerja.

Bagi memudahkan pemahaman, contoh mudah boleh dilihat berdasarkan harga sebuah kerusi di kilang ialah RM40.6 untuk satu unit, manakala seorang pekerja mampu menyiapkan sebuah kerusi selama sejam. Jadi, produk-

tiviti seorang buruh setiap jam untuk pengeluaran sebuah kerusi ialah RM40.6.

Nilai RM40.6 di sini ialah harga jualan di kilang yang penetapan harga itu sudah pun mengambil kira kos pekerja sejam dan kos bahan mentah untuk sebuah kerusi.

Kedua, perbandingan kadar upah hanya bersandarkan penanda aras upah minimum RM1,200 adalah tidak tepat kerana ia tidak menunjukkan pembayaran sebenar ke atas buruh.

Sepatutnya, kadar upah setiap jam dikira dengan mengambil kira kadar upah sebenar yang dibayar kepada pekerja. Mengikut pengiraan penulis, kadar upah pu-

rata untuk seorang buruh pada 2019 ialah RM11.8 sejam. Kadar ini meningkat 5.9 peratus berbanding 2018, iaitu RM11.1 sejam.

Namun, perlu juga ditegaskan kadar produktiviti buruh bagi setiap jam bekerja dan kadar upah yang dikira hanya memberi gambaran purata atau mudahnya berdasarkan *helicopter view*.

Bagi mendapatkan gambaran sebenar, perangkaan itu perlu diprinci mengikut sektor ekonomi, negeri dan kawasan serta pecahan kumpulan sosioekonomi buruh. Mungkin peningkatan kadar produktiviti dan upah dinikmati sebahagian buruh di sektor tertentu dan di kawasan tertentu sahaja.